

**SINOPSIS KURSUS**

# GUGUSAN WAJIB

## UW00302 ASAS PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN

Kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan memperkenalkan pelajar dengan konsep dan teori keusahawanan, seperti kreativiti dan inovasi, penghasilan idea untuk perniagaan baru dan pengurusan perusahaan baru. Pembelajaran keusahawanan secara praktikal merupakan penekanan kepada kursus ini. Kursus ini membangunkan minda keusahawanan, kemahiran keusahawanan, ciri-ciri penting keusahawanan dan kecekapan pelajar melalui keseluruhan proses daripada penyelesaian masalah, penghasilan idea, dan analisis kebolehlaksanaan hingga pelaksanaan projek/aktiviti. Apabila selesai kursus ini, pelajar memiliki ciri-ciri keusahawanan dan kemahiran yang diperlukan untuk memulakan perniagaan baru sejajar dengan agenda Industri 4.0 Universiti Malaysia Sabah.

## UW00502 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI II

Kursus ini melatih pelajar antarabangsa untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu asas yang meliputi situasi kehidupan harian. Pelajar akan diperkenalkan dengan pertuturan dan penulisan bahasa Melayu mudah. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tutorial, tugas dan pengalaman pembelajaran pelajar di dalam dan di luar kelas. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat berkomunikasi dan menulis menggunakan ayat mudah dengan berkesan.

## UW00702 FALSAFAH DAN ISU SEMASA

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengenalan terhadap ilmu falsafah yang mencakupi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Rukun Negara. Penggunaan falsafah sebagai medium untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah, iaitu epistemologi, metafizik, logik, dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu (*body of knowledge*) yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

## UW00802 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Kursus ini mempersiapkan pelajar untuk menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia untuk memperteguhkan pemikiran kritikal dan analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Pengisian kursus ini memfokuskan kepada penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar akan didedahkan dengan dinamika konsep etika dan peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia berdasarkan susur masa evolusi sejarahnya dari era pra-kolonial sehingga ke pasca-kolonial. Kefahaman tentang pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika dan peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional dan bangsa Malaysia. Peradaban acuan Malaysia perlu dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik berpandukan Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi dan wahana etika dan peradaban. Pembinaan kesepaduan nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang kompleks. Oleh kerana itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara. Justeru, perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan pembangunan langsung ekonomi telah membawa cabaran baru dalam mengukuhkan kelestarian etika dan peradaban di Malaysia. Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mendalami kursus ini.

# GUGUSAN ELEKTIF LIBERAL

## UL00202 KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA

Budaya adalah cara hidup manusia yang berupaya mempengaruhi pemikiran dan tingkahlaku setiap kelompok masyarakat bertamadun. Individu dari budaya berbeza bertutur dalam bahasa dan memiliki pengalaman berbeza. Justeru, mereka seringkali mempunyai pandangan berbeza mengenai dunia yakni melihat, menilai dan melakukan sesuatu itu berdasarkan kacamata atau orientasi budaya sendiri. Kewujudan perbezaan ini menimbulkan kesulitan apabila individu tersebut bersemuka antara satu sama lain dan komunikasi memainkan peranan penting dalam proses berkenaan. Kursus ini secara umumnya membincangkan persoalan-persoalan berhubung dengan komunikasi antara individu dari budaya yang berbeza serta impaknya terhadap kehidupan seharian. Intipati kursus memfokuskan kepada konsep dan kepentingan komunikasi serta budaya, pengaplikasian teori dan kajian serta isu-isu semasa berhubung komunikasi antara budaya.

## UL00302 KEMAHIRAN BERUNDING

Kursus ini direkabentuk untuk memdedahkan pelajar dengan kemahiran perundingan dan komunikasi asas yang sangat diperlukan di dalam kehidupan seharian mereka. Pelajar juga diajar mengenai pelbagai stail, pendekatan dan taktik perundingan. Selain menyediakan para pelajar cara penyediaan sebelum berunding, kursus ini turut mendedahkan pelajar-pelajar terhadap taktik-taktik menutup suatu aktiviti perundingan dengan efektif. Disamping mengajar ilmu pengetahuan, kursus ini juga memberikan peluang kepada para pelajar untuk meningkatkan kemahiran mereka untuk berkomunikasi, samada dalam bentuk penulisan maupun percakapan, termasuklah juga kemahiran gerak geri badan. Pelajar juga akan diajar untuk berkelakuan secara beretika, bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan dan sentiasa menghargai sifat kerjasama dan kerja berpasukan serta menghormati orang lain.

## UL00402 BAHASA DAN KOMUNIKASI

Kursus ini akan diperkenalkan kepada pelajar sebagai kaedah untuk proses lisan sebagai kunci utama untuk berinteraksi. Selain itu, pelajar akan didedahkan kepada pelbagai konteks komunikasi sebagai proses ujaran komunikasi, kemahiran berbahasa dan etika semasa berkomunikasi. Pelajar juga akan menerima pendedahan berkait dengan konteks budaya sebagai latar dalam proses berbahasa yang melibatkan aspek lakuan tutur serta budaya tersirat dalam sesuatu proses interaksi.

## UL00602 PENGURUSAN ORGANISASI

Kursus ini direka untuk memberi pemahaman tentang teori organisasi dan prinsip pengurusan utama seperti merancang, mengelola, mengarah, mengawal, dan penstafan. Fokus pengajian kursus ini adalah untuk memberi pengalaman dalam mengurus organisasi dengan menggunakan pendekatan kontemporari terhadap pengurusan kepelbagaian budaya, komunikasi, membuat keputusan, kepimpinan, motivasi, rundingan, kuasa dan politik dalam persekitaran pasukan.

## UL00702 PENULISAN KREATIF

Kursus ini direka untuk membantu pelajar mengenal pasti dan mempelajari secara praktikal strategi untuk berfikir secara kreatif. Mereka akan diajar bagaimana mendapatkan idea, mencapah idea, menulis dan membaca secara kritis dan proses mengulas karya

(cerita) dan puisi). Kursus ini menggalakkan pelajar untuk sentiasa berfikir dan menjadikan berfikir sebagai salah satu cara berkarya. Pada akhir kursus mereka menghasilkan cereka dan puisi. Dalam proses penghasilan karya, mereka akan diajar bagaimana bentuk dan ciri-ciri sebuah karya yang baik, tidak kira dalam bentuk puisi atau cerpen. Mereka juga diberi kefahaman tentang bentuk dan matlamat sebuah cerita dan puisi yang sesuai dan apakah nilai penulisan kreatif secara peribadi dan secara umum dalam masyarakat.

### **UL00902 FALSAFAH DAN PEMIKIRAN KRITIS**

Kursus ini merupakan kursus pengenalan dan asas kepada ilmu falsafah (terutamanya falsafah Barat) dimana pelajar-pelajar akan didedahkan kepada asas dan definisi falsafah, cabang ilmu falsafah yang terdiri daripada etika, epistemologi, metafizik dan logik. Selain itu kursus ini juga akan melihat perkembangan ilmu falsafah dari zaman klasik, pertengahan, moden dan kontemporari. Adalah diharapkan kursus ini akan membantu pelajar terutama dalam bidang pemikiran kritis dan teori berfikir selain daripada membuat penyelidikan secara objektif. Kuliah akan diadakan 2 jam seminggu dan selain daripada tugasan, pelajar juga akan diberi penerangan secara terus serta didedahkan dengan tayangan video dokumentari mengenai falsafah.

### **UL01102 APRESIASI SENI**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan konsep-konsep budaya dan seni serta bentuk-bentuk karya seni yang dihasilkan dalam masyarakat terutama masyarakat di Sabah. Pelajar akan diperkenalkan dengan ciri, bentuk dan fungsi karya seni dalam budaya masyarakat serta cara untuk mengapresiasi seni. Pada akhir kursus pelajar bukan sahaja mampu memahami budaya dan kepentingan seni dalam masyarakat malah mereka juga diberi peluang untuk menghasilkan karya seni dalam satu sesi yang dipanggil Minggu Apresiasi Seni.

### **UL01302 DIALOG ANTARA AGAMA**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar mengenai konsep dialog antara agama sebagai salah satu paradigm baru dalam hubungan antara agama. Matlamat dialog itu pelbagai iaitu; membina keamanan, menjalin hubungan dan hidup bersama. Kursus ini membincangkan tentang konsep dialog dan jenis-jenis dialog, sejarah perkembangan terkini dialog antara agama, isu yang berkaitan dengan dialog dan peranan dialog dalam masyarakat majmuk agama di Malaysia.

### **UL01402 GENDER DAN MASYARAKAT**

Kursus ini bertujuan untuk membantu pelajar memahami proses pembentukan identiti gender seseorang yang melibatkan satu analisis kritikal berkaitan masyarakat yang menjadi penyumbang utama dalam persepsi-persepsi kita berkaitan gender seseorang. Kursus ini juga bertujuan untuk memberi tafsiran dan penghayatan karya-karya sastera yang berfokuskan kepada gender dan isu-isu berkaitan gender. Kursus ini boleh melibatkan perbincangan isu-isu yang agak kontroversial yang bertujuan untuk menggalakkan percambahan dan pertukaran idea yang bernas.

## **UL01502 PLURALITI ETNIK BORNEO**

Kursus ini difokuskan terhadap pluraliti etnik di borneo. Tujuan kursus ini adalah untuk mendedahkan para pelajar tentang latar belakang yang mempengaruhi pelbagai etnik di Borneo seperti proses semula jadi, dasar kerajaan atau politik, dasar penjajah dan migrasi. Perbincangan kursus juga termasuk keunikan pelbagai budaya, tradisi adat dan etnik, seni dan amalan agama yang membentuk identiti setiap kaum di borneo. Di samping itu, pelajar juga akan didedahkan kepada cabaran dan isu-isu semasa yang dihadapi dalam usaha untuk mengekalkan identiti dan budaya mereka sendiri.

## **UL01702 PEMIKIRAN POLITIK SEMASA**

Kursus bertaraf pengantar ini bertujuan mendedahkan para pelajar kepada pemikiran, falsafah, teori dan idea-idea politik yang mencorakkan persoalan-persoalan pokok serta permasalahan-permasalahan politik dalam dunia kontemporer. Persoalan asasi tentang kehidupan politik, iaitu i) siapa dapat apa, bila dan bagaimana, ii) bagaimana masyarakat sepatutnya berfungsi dan ii) bagaimana masyarakat sebenarnya berfungsi, serta prinsip-prinsip politik seperti kebebasan, kesamaan, keadilan, dan hak diterokai melalui penghayatan ideologi-ideologi politik arus perdana dan alternatif semasa. Penekanan diberikan kepada pemahaman, penganalisaan, dan penilaian,serta keupayaan pelajar mengaplikasikan aspek-aspek yang ditelusuri dengan berpandukan contoh-contoh empirikal semasa. Ia juga bertujuan mencetuskan pemikiran, penaklukan dan penghujahan yang bersifat kritikal dan logik di kalangan pelajar dalam memahami pola perubahan dunia semasa.

## **UL01802 PERLEMBAGAAN MALAYSIA**

Fokus kursus ini adalah tentang pengenalan kepada Perlembagaan Malaysia. Kursus ini akan diajar secara komprehensif tentang hal-hal dan fungsi yang berkaitan dengan Perlembagaan Malaysia. Ianya bermatlamatkan agar pelajar dapat menyampaikan idea dalam konteks kerangka perlembagaan. Pelajar akan dapat mempelajari bagaimana sesebuah institusi berfungsi selaras dengan perlembagaan dan secara prinsipnya bagaimana sesebuah negara atau kerajaan berfungsi. Menerusi pendekatan secara praktikal, seseorang pelajar dapat mempelajari dan memahami undang-undang dan amalannya di Malaysia, dan ianya tidak hanya terikat dengan teori sahaja. Berdasarkan kepada kandungan kursus, ianya terbahagi kepada tiga peringkat pendekatan. Pertama, pemahaman terhadap pengenalan dan konsep asas perlembagaan yang melihat kepada skop serta kerangka perlembagaan di Malaysia seperti ciri-ciri dan ketertinggian perlembagaan. Keduanya ialah berdasarkan kepada aspek struktur dan institusi iaitu penekanan kepada institusi-institusi penting yang terdapat dalam peruntukan perlembagaan seperti badan perundangan, eksekutif dan kehakiman. Manakala pendekatan ketiga ialah berkaitan dengan isu-isu dan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan perlembagaan seperti federalisme dan pindaan perlembagaan di Malaysia. Persoalan-persoalan yang berkaitan dengan darurat, pilihanraya dan kewarganegaraan sebagai contoh akan dibincangkan berdasarkan peruntukan yang terdapat di dalam perlembagaan di Malaysia.

## **UL02102 UNDANG-UNDANG DAN MASYARAKAT**

Undang-undang dan Masyarakat adalah pengenalan kepada undang-undang peribadi. Kursus ini direka bagi menyediakan pelajar mengenali dan memahami bagaimana undang-undang berfungsi dalam masyarakat setempat dan pengaplikasian sistem perundangan negara. Ia memperlihatkan kepada pelajar bagaimana undang-undang berperanan meletakkan keadilan, kesaksamaan, hak serta kepentingan individu agar komuniti berupaya bertindak sebagai warganegara celik undang-undang. Matlamat kursus ini adalah memberi pendedahan berhubung undang-undang secara am, justeru itu membantu mengelakkan permasalahan literasi perundangan. Isu-isu undang-undang yang mempunyai kepentingan dan keprihatinan umum seperti hak

minoriti dan isu-isu privasi turut diketengahkan di mana pendekatan tersebut menawarkan pelajar sebuah forum praktikal bagi perbincangan bermaklumat secara terbuka dan tanpa prejudis.

## **UL02302 KELESTARIAN ALAM SEKITAR**

Peningkatan persepakatan antarabangsa tentang keperluan meletakkan dunia kita pada jalan pembangunan yang lebih lestari. Perjuangan menghapuskan kemiskinan semakin meningkat pada agenda antarabangsa dengan lebih dari 1 bilion orang yang hidup dalam kemiskinan yang melampau, sementara kesan alam sekitar yang telah banyak merugikan manusia telah mencapai tahap yang membimbangkan. Cabaran perubahan iklim yang semakin meningkat dan mendorong kepada kemerosotan alam sekitar, geopolitik dan demografi, risiko dan bencana yang berkaitan mengancam untuk memulihkan keuntungan pembangunan dan menimbulkan cabaran baru untuk pembangunan lestari. Pembangunan lestari tidak boleh dicapai dengan penyelesaian teknologi, instrumen kewangan peraturan politik sahaja. Matlamat pembangunan lestari memerlukan perubahan pola pemikiran manusia, cara orang berfikir dan bertindak, dan di sinilah pendidikan untuk kemampanan (EfS) mempunyai peranan penting untuk dimainkan. EfS amat penting untuk institusi pengajian tinggi kerana institusi ini berperanan dalam pengendalian teknologi, melatih, dan melakukan penyelidikan untuk kelestarian.

## **UL02402 PEMERINTAHAN DAN RAKYAT DI ASIA TENGGARA**

Kursus bertaraf pengantar ini bertujuan mendedahkan para pelajar kepada idea-idea politik yang telah mencorakkan persoalan-persoalan pokok serta permasalahan-permasalahan dalam pemerintahan di Asia Tenggara kontemporer. Persoalan asas pemerintahan (governance) iaitu bentuk pemerintahan, bagaimana masyarakat Asia Tenggara bertindak balas, serta bagaimana masyarakat sebenarnya berfungsi, dan prinsip-prinsip politik seperti kebebasan, kesamaan, keadilan, dan hak asasi akan dilihat melalui kajian kes di Asia Tenggara. Penekanan juga diberikan kepada pemahaman, penganalisan, dan penilaian, serta keupayaan pelajar mengaplikasikan aspek-aspek yang ditelusuri dengan berpandukan contoh-contoh empirikal semasa di Asia Tenggara.

## **UL02502 ISU SEMASA DALAM ETIKA**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada isu-isu semasa dalam etika. Secara khususnya, kursus ini membincangkan isu-isu etika mengenai haiwaa, keadilan dan kemiskinan global, kejuruteraan genetik, kepintaran buatan, transhumanisme, perlanjutan radikal nyawa, perubahan iklim dan perhubungan pertama. Kursus ini bertujuan untuk memperlengkapkan pelajar dengan kemahiran komunikasi yang berkesan dalam mempertahankan pendirian etika sendiri.

## **UL02602 ZAKAT DAN MASYARAKAT**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada pelajar tentang rukun, syarat, konsep zakat. Pelajar juga akan didedahkan dengan aplikasi pembayaran zakat begitu juga dengan media dalam menyalurkan maklumat dan aplikasi zakat kontemporari. Kursus ini juga memberi kefahaman tentang peranannya dalam masyarakat dari sudut pembangunan sosial, pembangunan pendidikan, pembangunan modal insan dan pembangunan ekonomi. Selain itu ssu-isu semasa berkaitan turut dibincangkan

## **UL02702 KARYA AGUNG MELAYU**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan Karya Agung Melayu berdasarkan teks agung Klasik dan Moden. Ia memberi penekanan kepada genre sastera dan bacaan karya sastera. Kursus ini akan menyentuh tentang topik seperti definisi Karya Agung Melayu, korpus, ciri-ciri, pemikiran, budaya, falsafah, nilai dan ilmu pengetahuan dan pengarang Karya Agung Melayu. Kursus ini membolehkan pelajar untuk menginterpretasi, menilai dan mengkritik karya sastera.

## **UL02802 KEARIFAN LOKAL**

Konsep asas kearifan lokal akan didedahkan kepada pelajar melalui kursus ini. Kearifan lokal dimiliki oleh semua masyarakat di dunia dan ia bukanlah perkara yang baru dalam kehidupan manusia. Ia juga telah berakar umbi dalam kehidupan manusia serta tersembunyi di dalam etos dan budaya setiap masyarakat. dalam konteks Malaysia, kebanyak kearifan itu mulai dilupakan. Justeru, kursus ini berhasrat untuk mendedahkan kepada generasi muda akan warisan nenek moyang yang sekuatnya dipertahankan sebagai sebahagian daripada budaya tersembunyi masing-masing kelompok etnik dan masyarakat.

## **UL02902 HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar prinsip-prinsip asas hak asasi manusia berdasarkan beberapa perjanjian antarabangsa yang telah mencapai status adat antarabangsa. Kursus ini membincangkan perkembangan idea hak asasi manusia sejagat serta memperkenalkan pelbagai isu dan cabaran hak asasi manusia. Pelajar seterusnya melalui pendedahan kepada peristiwa kontemporari dan bersejarah yang menghuraikan cabaran tersebut serta mengandungi pengajaran tentang cara mengatasi yang berkaitan kepada cara untuk mengatasinya. Kursus ini juga membincangkan beberapa idea asas yang secara langsung dan secara tidak langsung berkaitan dengan konsep hak asasi manusia sejagat seperti kemuliaan manusia dan kebebasan bersuara hati.

## **UL03002 KEPIMPINAN DAN MASYARAKAT**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan tentang pengetahuan teoritis dan kemahiran praktikal yang diperlukan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan pelajar. Ia menekankan tentang pentingnya mengembangkan kapasiti individu dalam aspek peranan mereka sebagai pemimpin dalam organisasi awam masyarakat moden yang pelbagai budaya. Sebagai teras kepada aspek kepimpinan, adalah ditegaskan bahawa konsep ini merujuk kepada kegiatan memimpin sekumpulan orang atau organisasi atau keupayaan untuk melakukannya melalui hubungan antara mereka yang terbina berdasarkan interaksi atau komunikasi satu dengan yang lain. Hal ini melibatkan aktiviti pembedahan visi, berkongsi visi dengan masyarakat supaya mereka akan mengikutinya secara sukarela, memberikan maklumat, pengetahuan dan kaedah yang diperlukan untuk merealisasikan wawasan yang digariskan. Selain itu, hal ini juga melibatkan usaha menyelaraskan dan mengimbangi kepentingan yang bertentangan dari semua unit masyarakat. Dalam pada itu, memandangkan peranan kepimpinan adalah bersifat formal mahupun tidak formal dengan pelbagai pihak khususnya dalam aspek pembuatan keputusan dan melaksanakan tanggungjawab maka kursus ini juga menekankan tentang peranan kepimpinan dalam memudahkan pelaksanaan strategi organisasi. Oleh itu, setiap sesi pembelajaran akan tertumpu kepada perkara-perkara tersebut maka setiap pelajar dikehendaki turut melengkapkan aktiviti pembelajaran tambahan yang bersifat *self-directed* bagi tujuan memastikan peningkatan kemahiran dan kualiti kepimpinan mereka.

### **UL03102 MEDIA DAN MASYARAKAT**

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar dari semua fakulti. Kursus ini mendedahkan pelajar kepada peranan media dalam masyarakat. Khususnya, kursus ini membincangkan kandungan teks media, organisasi media, apa yang media lakukan kepada masyarakat, apa yang dilakukan masyarakat terhadap media, media dan kanak-kanak, media dan golongan muda, media dan golongan dewasa, media dan wanita, dan media dan komuniti terpinggir/kurang bernasib baik.

### **UL03202 MARIN DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

Kursus ini beriltizam memupuk dan memperkenalkan pelajar kepada aspek-aspek asas berkenaan persekitaran lautan samudera dan aspek-aspek yang mempengaruhinya. Elemen-elemen oseanografi geologikal, biologikal, fizikal dan kimia merupakan bahagian yang penting dan perlu difahami secara menyeluruh fungsi dan kepentingannya. Topik-topik yang akan diketengahkan adalah peredaran laut, kehidupan di laut dan permasalahan alam sekitar. Faktor-faktor yang mempengaruhi dan mengancam persekitaran marin akan juga dibincangkan. Pelajar-pelajar juga akan berpeluang mendapat pendedahan dengan pelbagai organisma hidupan laut.

### **UL03302 KELESTARIAN DAN DOKUMENTASI BAHASA**

Kursus ini adalah pengenalan kepada bahasa-bahasa dunia. Kursus ini membincangkan status dan ancaman yang dihadapi oleh bahasa-bahasa dunia dan tempatan. Ia juga menyorot kepupusan bahasa akibat pemilihan dan penggunaan bahasa, permindahan dan kehilangan bahasa, kematian dan pembunuhan diri bahasa, hubungan di antara penggunaan bahasa individu dan identiti budaya. Kursus ini membincangkan peluang untuk kebangkitan dan dokumentasi bahasa.

### **UL03402 KELESTARIAN PEMBANGUNAN MANUSIA**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada kelestarian pembangunan manusia yang merangkumi penerangan mengenai definisi pembangunan manusia, peranan dan fungsi kerajaan, masyarakat, keluarga dan individu dalam pembangunan pembangunan manusia di Malaysia. Perkembangan pembangunan manusia di negara ini diukur oleh penunjuk tahap pendidikan, status kesihatan dan taraf hidup penduduk. Di samping itu, juga membincangkan cabaran dan isu semasa yang dihadapi untuk meningkatkan kelestarian pembangunan manusia. Perbincangan tentang perkara ini boleh menggalakkan pelajar meningkatkan potensi mereka untuk mencapai kehidupan yang lebih baik.



# GUGUSAN BAHASA INGGERIS

## UB01002 ESSENTIAL COMMUNICATION SKILLS

Kursus ini bertujuan membantu pelajar (1) menguasai pelbagai kemahiran bahasa yang merangkumi pendengaran, pembacaan, pertuturan dan penulisan, dan (2) memperkembangkan pengetahuan mengenai kosa kata (perbendaharaan kata) dan nahu yang diperlukan untuk komunikasi asas dalam Bahasa Inggeris. Objektif utama kursus ini adalah untuk membantu pelajar mencapai Tahap B1+ dalam piawaian 'Common European Framework of Reference' (CEFR). Satu pendekatan yang relevan juga diambil dalam kursus ini untuk melibatkan pelajar secara aktif dalam latihan empat kemahiran tersebut melalui kerja berpasangan atau berpasukan dan aktiviti komunikasi lain yang melibatkan pelbagai tema dan isu dari merata dunia. Mod pembelajaran campuran juga digunakan dalam aktiviti dan penilaian kursus ini yang merangkumi kuiz atas talian, dialog dan pembentangan lisan.

## UB00202 ORAL COMMUNICATION IN ENGLISH

Matlamat utama kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran komunikasi lisan pelajar dalam Bahasa Inggeris. Pelajar akan didedahkan kepada prinsip dan teknik integrasi lisan yang berkesan. Mereka juga diperkenalkan kepada latihan khusus untuk meningkatkan sebutan Bahasa Inggeris mereka. Di samping itu, pelajar diajar strategi yang efektif dalam komunikasi dan kemahiran berkomunikasi yang sesuai untuk membolehkan mereka bertutur secara spontan dan lancar. Mereka diberi peluang untuk berinteraksi dalam situasi kehidupan sebenar melalui aktiviti bahasa seperti perbincangan, simulasi, drama dan temubual. Lebih-lebih lagi, mereka juga didedahkan kepada teknik dan prinsip pengucapan awam melalui latihan untuk mengembangkan keyakinan dan kelancarannya dalam berbahasa.

## UB00302 READING AND WRITING IN ENGLISH

Kursus ini bertujuan untuk menyesuaikan pelajar dengan kemahiran membaca dan menulis serta memperkenalkan mereka kepada jenis-jenis genre dalam penulisan. Mereka akan menggunakan kemahiran skim dan imbas teks bacaan, belajar membuat kesimpulan dan pengaprasaan maklumat daripada petikan yang diberikan, dan belajar untuk mengenal pasti serta membezakan idea-idea utama dan butir-butir penyokong dalam sesuatu petikan. Di samping itu, pelajar akan diajar cara untuk membentangkan idea dengan jelas dalam penulisan mereka. Antara aspek penulisan yang akan dipelajari ialah proses dalam penulisan, asas organisasi yang terdiri daripada lima perenggan, elemen penting dalam esei seperti pernyataan tesis, tajuk topik dan idea-idea sokongan yang akan digunakan dalam penulisan.

## UB00402 ACADEMIC READING AND WRITING

Modul ini memberi penekanan dalam teknik pembacaan dan penulisan akademik. Pelbagai teks yang merangkumi pelbagai disiplin digunakan sebagai bahan pegajaran dalam modul ini. Pelajar akan mempelajari strategi membaca yang membolehkan mereka memahami teks dengan lebih mudah serta dan strategi menulis supaya mampu menghasilkan esei yang bermutu. Selain daripada komunikasi bertulis, modul ini turut memberi penekanan dalam komunikasi lisan agar pelajar dapat menyampaikan idea secara jelas dan tepat.

## UB00502 ENGLISH FOR RESEARCH PURPOSES

Kursus ini menumpu kepada kemahiran yang diperlukan untuk (1) membaca teks akademik mengenai penyelidikan di peringkat universiti, (2) menulis laporan kajian dalam bahasa Inggeris, dan (3) membentangkan laporan lisan yang berdasarkan sorotan kajian

teks dalam pelbagai disiplin pelajar. Kursus ini bertujuan membantu pelajar mencapai tahap penguasaan operasional berkesan (C1) dalam piawaian 'Common European Framework of Reference' (CEFR). Penekanan diberi kepada kajian teks penyelidikan seperti abstrak, pengenalan, kaedah kajian, perbincangan dan rumusan dalam laporan kajian dan jurnal akademik. Kandungan teks adalah berkaitan dengan sains tulen, sains gunaan dan sains sosial. Tumpuan diberi kepada pembelajaran kosa kata, nahu, pembacaan inteksif, penulisan berpandu, pembentangan dan perbincangan lisan yang membiasakan pelajar dengan teks-teks mengenai kajian dan penyelidikan. Aspek nahu yang dipelajari juga merangkumi kemahiran untuk menganalisis struktur ayat dalam teks akademik. Latihan yang diberi dalam kursus ini adalah berkait dengan pemahaman isi yang dipersembahkan dalam kertas kajian, pengenalpastian unsur-unsur maklumat dan ciri-ciri bahasa yang lazim digunakan dalam teks penyelidikan. Kursus ini merangkumi aktiviti-aktiviti yang melatih pelajar untuk menulis laporan kajian dengan mengaitkan perkataan, rangkai kata dan ayat-ayat dengan fungsi-fungsi komunikasi yang berkenaan. Penilaian kursus ini adalah berdasarkan kepada dua ujian komunikasi bertulis, satu kertas projek, dan satu pembentangan akademik yang disusuli dengan perbincangan lisan mengenai topik yang telah dibentang.

### **UB06002 ENGLISH FOR CREATIVE COMMUNICATION**

Kursus ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar menggunakan bahasa Inggeris dalam konteks komunikasi kreatif. Pelajar-pelajar akan diberikan pendedahan asas kepada elemen-elemen dalam fiksyen, terutamanya bagi genre cerpen dan genre skrip teater/filem. Kursus ini bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kefasihan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Selain itu, melalui tugas dan pembentangan, kursus ini akan meningkatkan tahap keyakinan pelajar untuk menggunakan bahasa Inggeris secara kreatif, terutamanya dalam konteks persembahan drama.

### **UB00702 ENGLISH FOR OCCUPATIONAL PURPOSES**

Kursus ini bertujuan untuk melatih para pelajar untuk menguasai kemahiran lisan dan menulis dalam Bahasa Inggeris yang digunakan di alam pekerjaan. Para pelajar akan didedahkan dengan Bahasa Inggeris untuk tujuan pekerjaan untuk membantu mereka memahami dan menyediakan dokumen-dokumen bertulis dan aktiviti-aktiviti harian yang berkaitan dengan dunia pekerjaan. Selain itu, kemahiran seperti mencari pekerjaan, menggunakan Bahasa Inggeris yang bersesuaian dengan alam pekerjaan, menyediakan dokumen berkaitan pekerjaan, dan menyampaikan pembentangan hasil dari mesyuarat atau kajian kes akan dilaksanakan sepanjang semester untuk memberi peluang dan kemahiran kepada para pelajar untuk menguasai Bahasa Inggeris untuk alam pekerjaan.

### **UB02002 ENGLISH FOR EMPLOYMENT**

Kursus ini direka untuk membantu pelajar mengukuhkan kemahiran bahasa Inggeris khususnya bagi menggalakkan komunikasi lisan dan penulisan yang berkesan di tempat kerja. Dalam menjalani simulasi tugas di tempat kerja, pelajar mempelajari kemahiran berkomunikasi secara lisan dengan menghadiri temuduga, menjalankan mesyuarat dan menyampaikan persembahan. Kursus ini juga menyediakan aktiviti-aktiviti yang bertujuan meningkatkan keupayaan membaca dan menulis dalam konteks berlatarkan bisnes seperti merangka emel, menyediakan dokumen mesyuarat, notis, cadangan dan bahan-bahan promosi. Bertujuan membantu pelajar dalam mendapatkan pekerjaan dan meningkatkan perkembangan kerjaya, kursus ini menerapkan rangka kerja projek berkumpulan yang menggalakkan kerjasama dan daya saing dalam persekitaran pembelajaran, yakni pelajar akan mengamalkan dan memanfaatkan kbolehan bahasa yang sedia ada untuk menjana kebolehan bahasa yang lebih mampan di tempat kerja.

# BAHASA ASING DAN TEMPATAN

## 1. BAHASA ARAB

### UA00102 BAHASA ARAB TAHAP I

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar tentang asas bahasa Arab bermula dengan memperkenalkan simbol huruf dan sistem transliterasi (membaca dalam tulisan melayu menggunakan sebutan Arab) pada peringkat permulaan sehingga mereka mampu menyebut, membaca dan menulis. Pada peringkat pertama, pelajar turut didedahkan dengan perkara paling asas seperti kemahiran menulis dan menyambung huruf, sebutan, diftong, nombor Arab, membaca, tatabahasa asas dan seterusnya bertutur. Pelbagai aktiviti juga akan disediakan untuk memperkenalkan kosa kata baru, frasa-frasa yang digunakan dalam pertuturan seharian seperti masa dan ucap selamat serta diperkenalkan dengan seni khaligrafi Arab. Dengan ini, pelajar boleh berinteraksi dengan orang yang boleh bertutur dalam bahasa Arab menggunakan bahasa yang mudah.

### UA00202 BAHASA ARAB TAHAP II

Kursus ini merupakan kesinambungan daripada bahasa Arab tahap 1. Pada peringkat ini, sistem pembelajaran dan pengajaran diteguhkan melalui empat kemahiran utama iaitu: menulis, membaca mendengar dan bertutur. Pelajar mula diutamakan dengan kemahiran mendengar, bertutur dan membina struktur ayat yang betul. Pelajar juga turut diperkenalkan dengan pelbagai Kamus Bahasa Arab yang boleh digunakan untuk membantu mempelajari bahasa ini. Di samping itu, aspek tatabahasa turut ditekankan melalui praktis tatabahasa serta membina ayat mudah. Pelajar juga turut didedahkan dengan pengayaan kosa kata yang meliputi pelbagai keadaan, latihan bacaan, pertuturan dan penulisan serta rujukan tambahan untuk membantu mereka menguasai bahasa ini dan mampu membina ayat mengikut struktur ayat bahasa Arab yang betul berdasarkan topik yang akan diberikan.

### UA00302 BAHASA ARAB TAHAP III

Kursus ini adalah kesinambungan bahasa Arab tahap I dan II. Pada tahap ini, keempat-empat kemahiran masih lagi diperkukuhkan namun fokus utama adalah untuk mendengar dan seterusnya berkomunikasi dalam bahasa Arab. Pelajar akan diberikan latihan-tubi dan tugas yang memfokuskan kepada latihan lanjutan tatabahasa untuk menambah pengetahuan asas mereka. Pelajar juga dilatih untuk menulis karangan dan membina perbualan asas dalam bahasa Arab serta didedahkan dengan pengayaan kosa kata yang meliputi pelbagai keadaan. Selain pembelajaran melalui buku rujukan utama, pembelajaran secara interaktif juga digunakan untuk menggalakan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab.

## 2. BAHASA KADAZANDUSUN

### UD00102 KADAZANDUSUN TAHAP I

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar bukan etnik Kadazandusun yang tidak mempunyai latar pengetahuan dalam bahasa ini. Pada tahap ini, pelajar akan mempelajari kosa kata asas Bahasa Kadazandusun. Mereka akan belajar berkomunikasi dalam bahasa ini berdasarkan topik yang diberikan dalam skema pembelajaran mingguan. Empat kemahiran asas berbahasa yang meliputi aspek membaca, menulis, bertutur dan mendengar disepadukan dalam kursus ini. Aspek penting dalam tatabahasa bahasa Kadazandusun seperti sistem ayat (voice system) dan penanda fokus (focus marking) turut diperkenalkan. Pelbagai aktiviti disediakan untuk memperkenalkan kosa kata dan frasa baharu yang digunakan dalam pertuturan harian. Di samping itu, aspek budaya KD turut dimasukkan dalam bahan pengajaran dan pembelajaran untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang bahasa dan budaya masyarakat tutur KD.

### UD00202 KADAZANDUSUN TAHAP II

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar bukan etnik Kadazandusun yang sudah mempunyai pengetahuan asas Bahasa Kadazandusun setelah lulus Bahasa Kadazandusun Tahap I (UD00102). Pada tahap ini, kemahiran bahasa pelajar dalam empat kemahiran asas berbahasa yang meliputi aspek membaca, menulis, bertutur dan mendengar diperkukuhkan. Aspek tatabahasa Kadazandusun yang telah dipelajari pada tahap sebelumnya akan diperkukuhkan lagi dengan pembelajaran ayat seperti Ayat Suruhan dan Ayat Larangan diperkenalkan pada tahap ini. Pelajar akan terus membina kemahiran linguistik dan pengetahuan budaya melalui pelbagai aktiviti tentang aspek-aspek budaya KD yang dimasukkan dalam bahan pengajaran dan pembelajaran.

### UD00302 KADAZANDUSUN TAHAP III

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar bukan etnik Kadazandusun yang telah memiliki pengetahuan bahasa Kadazandusun yang diperoleh setelah lulus dua tahap sebelumnya iaitu Bahasa Kadazandusun Tahap I (UD00102) dan Bahasa Kadazandusun Tahap II (UD00202). Perkembangan empat kemahiran asas berbahasa yang meliputi aspek membaca, menulis, bertutur dan mendengar diperkukuhkan lagi pada tahap ini, namun kemahiran utama yang akan ditumpukan ialah komunikasi. Pelbagai aktiviti akan diberikan untuk memperkenalkan kosa kata dan frasa baharu yang digunakan dalam pertuturan harian. Kemahiran tatabahasa peringkat tinggi yang melibatkan pengimbuhan (voice system) dalam mode keupayaan/ tidak sengaja diperkenalkan pada peringkat ini. Pada waktu yang sama aspek-aspek budaya diteruskan untuk disepadukan dalam kursus ini.

## 3. BAHASA JEPUN

### UJ00102 BAHASA JEPUN TAHAP 1

Kursus ini mempunyai kelas selama 3 jam seminggu, berjumlah 14 minggu dan 42 jam. Kursus ini ditawarkan bagi pelajar yang mengambil Bahasa Jepun sebagai bahasa antarabangsa. Kursus ini mengutamakan kepentingan kemahiran berkomunikasi iaitu bertutur dan mendengar. Pada tahap ini, pelajar boleh memahami dan menggunakan ungkapan harian serta frasa yang mudah dengan betul. Dengan ini, pelajar boleh berinteraksi dengan orang Jepun yang bertutur dengan mudah, perlahan dan jelas. Topik-topik dalam kursus ini mengandungi sistem penulisan Jepun (Hiragana dan Katakana), tatabahasa, perbualan harian dan pengenalan tentang budaya Jepun.

### UJ00202 BAHASA JEPUN TAHAP II

Kursus ini mempunyai kelas selama 3 jam seminggu, berjumlah 14 minggu dan 42 jam. Kursus ini ditawarkan bagi pelajar yang mengambil Bahasa Jepun sebagai bahasa antarabangsa. Kursus ini mengutamakan kepentingan kemahiran berkomunikasi iaitu bertutur dan mendengar. Pada tahap ini, pelajar boleh memahami dan menggunakan ungkapan harian serta frasa yang mudah dengan betul. Pelajar akan dilatih dalam kemahiran berkomunikasi dengan cara yang mudah. Topik-topik dalam kursus ini mengandungi sistem penulisan Jepun (Hiragana dan Katakana), tatabahasa, perbualan harian dan pengenalan tentang budaya Jepun.

### UJ00302 BAHASA JEPUN TAHAP III

Kursus ini merupakan tahap terakhir bagi pelajar yang mengambil Bahasa Jepun sebagai bahasa antarabangsa. Kursus ini mengutamakan kepentingan kemahiran berkomunikasi iaitu bertutur dan mendengar. Pelajar akan dilatih dalam kecekapan berkomunikasi dan kemahiran dalam pertuturan serta penulisan Bahasa Jepun. Budaya Jepun, etos sosial dan budi bahasa Jepun akan diperkenalkan dalam kursus ini. Pada akhir kursus, pelajar mampu untuk berkomunikasi dalam pelbagai situasi dan lanskap budaya menggunakan bahasa mudah.

## 4. BAHASA MANDARIN

### UN00102 BAHASA MANDARIN TAHAP I

Kursus ini direka untuk pelajar yang memenuhi keperluan (sila lihat prasyarat), dengan fokus pada kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kursus ini bermula dengan pengenalan sistem sebutan dan peraturan penulisan bahasa Cina. Seterusnya, perbendaharaan kata asas, ungkapan perbualan harian dan struktur ayat Cina akan diperkenalkan secara berperingkat dan progresif. Kursus ini juga mendedahkan pelajar kepada beberapa aspek budaya Cina. Buku teks untuk kursus ini ialah "New Practical Chinese Reader (2nd Edition)." Topik yang termasuk dalam Tahap 1 ialah "Apa khabar?", "Adakah anda sibuk?", "Dia berasal dari negara manakah?", "Selamat berkenalan!" dan "Di manakah ruang makan?". Pada akhir kursus ini, pelajar boleh bertutur dalam perbualan harian mudah dan pengenalan diri dalam bahasa Mandarin. Pelajar wajib memenuhi semua aktiviti berikut sebagai syarat untuk melengkapkan kursus, iaitu: menghadiri kelas (3 jam seminggu, sepanjang 14 minggu), menyiapkan dan menyerahkan tugas kursus serta hadir dalam semua ujian serta penilaian.

### UN00202 BAHASA MANDARIN TAHAP II

Kursus ini direka untuk para pelajar yang telah memenuhi syarat Bahasa Mandarin Tahap 1. Kandungan kursus tahap ini akan meningkatkan penguasaan pelajar dalam kemahiran membaca dan menulis melalui menitikberatkan kemahiran mendengar dan bertutur. Perbendaharaan kata baharu juga akan diperkenalkan. Setelah menguasai struktur ayat, pelajar akan dilatih untuk menulis laporan semester dan merakam video pendek berkenaan topik tertentu dalam Bahasa Mandarin. Topik-topik tahap ini merangkumi: "(Ulasan) Mahukah anda pergi berenang dengan saya?", "Adakah anda mengenalinya?" dan "Berapakah orang ahli dalam keluarga anda?". Pada akhir kursus ini, pelajar akan memahami dan menggunakan frasa Mandarin yang mudah dan memenuhi keperluan asas untuk berkomunikasi dalam bahasa Mandarin. Pelajar wajib memenuhi semua aktiviti berikut sebagai syarat untuk melengkapkan kursus, iaitu: menghadiri kelas (3 jam seminggu, sepanjang 14 minggu), menyiapkan dan menyerahkan tugas kursus serta hadir dalam semua ujian serta penilaian.

### UN00302 BAHASA MANDARIN TAHAP III

Kursus ini adalah tahap yang terakhir bagi pelajar yang mendaftar Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing. Kursus ini seterusnya membina kemahiran pelajar dalam mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Pelajar perlu menulis laporan semester dan membuat rakaman video mengikut topik yang ditentukan dalam Bahasa Mandarin. Topik-topik dalam tahap ini adalah "Dia berusia 20 tahun pada tahun ini", "Saya ingin membeli CD" dan "Saya boleh bercakap sedikit Bahasa Mandarin". Pada akhir kursus ini, pelajar akan berkemampuan untuk berkomunikasi dalam perkara mudah dan rutin yang memerlukan pertukaran maklumat yang mudah dalam Bahasa Mandarin. Pelajar wajib memenuhi semua aktiviti berikut sebagai syarat untuk melengkapkan kursus, iaitu: menghadiri kelas (3 jam seminggu, sepanjang 14 minggu), menyiapkan dan menyerahkan tugas kursus serta hadir dalam semua ujian serta penilaian.

## 5. BAHASA PERANCIS

### UP00102 BAHASA PERANCIS TAHAP 1

Tahap I bahasa Perancis, pelajar akan didedahkan dengan kata kerja, adjective, kata nama, kata sendi nama, angka, sebutan dan intonasi sebutan. Pelajar akan didedahkan juga dengan budaya Perancis melalui tontonan video. Kerja kursus dibuat secara berterusan dengan mengambil kira penglibatan pelajar di bilik darjah, kerja kumpulan, lisan, penilaian komunikasi bertulis I & II.

### UP00202 BAHASA PERANCIS TAHAP 2

Kursus ini adalah lanjutan daripada bahasa Perancis Tahap I. Di tahap II, pelajar bukan sahaja akan didedahkan dengan kosa kata dan fonetik tetapi juga fungsi bahasa seperti memperkenalkan diri, memperkenalkan orang lain, membina ayat mudah dengan menggunakan kata kerja yang tetap. Kerja kursus dibuat secara berterusan dengan mengambil kira penglibatan pelajar di bilik darjah, kerja kumpulan, lisan, penilaian komunikasi bertulis I & II.

### UP00302 BAHASA PERANCIS TAHAP 3

Kursus ini adalah lanjutan daripada kursus bahasa Perancis Tahap III. Di tahap ini, pelajar bukan sahaja akan didedahkan dengan kosa kata dan fonetik tetapi juga akan didedahkan dengan fungsi bahasa. Pelajar juga akan didedahkan dengan cara menulis karangan dan surat kiriman serta pembinaan ayat lampau dan kala akan datang. Kerja kursus dibuat secara berterusan dengan mengambil kira penglibatan pelajar di bilik darjah, kerja kumpulan, lisan, penilaian komunikasi bertulis I & II.

## 6. BAHASA SEPANYOL

### US00102 BAHASA SEPANYOL TAHAP I

Kursus ini direka untuk memperkenalkan Bahasa Sepanyol asas kepada pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan Bahasa Sepanyol sebelumnya. Kursus ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan keupayaan pelajar untuk memahami maklumat lisan dan bertulis yang asas didalam bahasa ini dan untuk pelajar menggunakan secara aktif kemahiran yang diperolehi untuk berkomunikasi dengan baik sama ada dalam bentuk bertulis atau lisan. Mereka akan diperkenalkan dengan sebutan dan ejaan vokal dan konsonan. Tatabahasa bahasa Sepanyol asas yang berkaitan dengan lisan dan tulisan akan diperkenalkan. Penilaian adalah berdasarkan kuiz, dua karangan, ujian lisan dan penilaian kemahiran berkomunikasi I dan penilaian kemahiran berkomunikasi II.

### US00202 BAHASA SEPANYOL TAHAP II

Di peringkat ini, pelajar akan mengukuhkan kemahiran Bahasa Sepanyol yang dipelajari di tahap I. Pelajar juga akan diperkenalkan kepada lebih banyak perbendaharaan kata yang berkaitan dengan situasi kehidupan sebenar seperti membincangkan aktiviti harian, bercakap tentang keluarga dan sebagainya. Kursus ini akan terus menekankan kemahiran membaca dan mendengar dengan menumpukan kepada bahasa perbualan yang digunakan dalam kehidupan seharian. Situasi biasa dalam ayat dan pilihan bacaan akan membantu menguatkan keupayaan pelajar untuk bercakap, membaca dan menulis dalam Bahasa Sepanyol.

### US00302 BAHASA SEPANYOL TAHAP III

Kursus ini adalah lanjutan daripada kursus Bahasa Sepanyol Tahap I dan II. Di peringkat ini, pelajar akan didedahkan kepada komunikasi dalam situasi harian dengan menggunakan tatabahasa yang betul. Penekanan akan diberikan dalam kemahiran mendengar, menulis ayat mudah dan membaca bahan-bahan asas. Kata nama dan perbendaharaan kata yang spesifik akan diajar dengan lebih intensif. Penilaian dijalankan secara berterusan dengan mengambil kira penyertaan pelajar didalam bilik kuliah, ujian lisan, kerja kursus, penilaian kemahiran berkomunikasi I dan penilaian kemahiran berkomunikasi II.



## 7. BAHASA TAMIL

### UT00102 BAHASA TAMIL TAHAP I

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada para pelajar yang tidak mempunyai asas dalam Bahasa Tamil. Kursus ini akan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran asas lisan dan penulisan serta menggunakan kemahiran yang dikuasai untuk tujuan komunikasi secara lisan dan penulisan. Mereka akan didedahkan kepada sebutan dan ejaan uyir, mei, dan uyirmei. Tatabahasa asas berkaitan lisan dan penulisan juga akan diperkenalkan. Kursus ini juga akan mendedahkan pelajar kepada aspek budaya Tamil. Isi kandungan tahap ini termasuk ucap salam, polite words, soal tentang perasaan, tanya mengenai hobi dan sebagainya. Kehadiran penuh (3 jam seminggu), kuiz atau kerja kursus, penilaian ujian lisan, ujian pertengahan semester dan peperiksaan akhir adalah diambil kira dalam penilaian kursus.

### UT00202 BAHASA TAMIL TAHAP II

Kursus ini adalah lanjutan daripada tahap I dan memperkembangkan pengetahuan pelajar dari segi tatabahasa Bahasa Tamil, perbendaharaan kata serta idiomatic expressions. Kursus ini juga akan mempertingkatkan penguasaan kemahiran lisan dan penulisan pelajar dan seterusnya menggunakan kemahiran tersebut dalam komunikasi. Di samping itu, tajuk pembelajaran akan merangkumi informasi berkaitan aspek budaya dan masyarakat Tamil. Penilaian adalah berasaskan kuiz, pembentangan kumpulan, ujian lisan, ujian pertengahan semester dan peperiksaan akhir.

### UT00302 BAHASA TAMIL TAHAP III

Ini adalah tahap akhir kursus. Pada tahap ini penekanan diberi untuk mempertingkatkan penguasaan pelajar dari segi kefahaman, percakapan, bacaan serta penulisan dalam bahasa sasaran. Pelajar akan digalakkan untuk bercakap berdasarkan tajuk yang dipilih untuk meningkatkan keyakinan diri. Aspek tatabahasa berkaitan turut diperkenalkan. Pelajar akan dibimbing untuk memberi pandangan mereka serta menulis karangan. Penilaian adalah berasaskan kuiz, pembentangan kumpulan, ujian lisan, ujian pertengahan semester dan peperiksaan akhir.